



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 20 Tahun 2020

PENAWARAN PROGRAM SECARA SEPARUH MASA DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) BAGI KESELURUHAN PROGRAM SEPENUH MASA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai penawaran program secara separuh masa di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) bagi keseluruhan program sepenuh masa Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. iCEPS telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) untuk menjalankan sebanyak 86 program sarjana muda dan diploma secara mod separuh masa yang melibatkan 18 fakulti di 15 buah kampus UiTM seluruh negara.

3. Proses penawaran dan pertambahan program yang diguna pakai di iCEPS sekarang ini memerlukan tempoh masa yang lama untuk dilaksanakan kerana perlu melalui beberapa keputusan penting dari semua pihak yang terlibat terutama dari Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF).

4. Untuk merealisasikan objektif penjanaan pendapatan universiti, salah satu inisiatif yang dicadangkan adalah memastikan program-program sepenuh masa yang sedia ada di fakulti di seluruh sistem UiTM ditawarkan juga secara mod separuh masa. Semua program separuh masa ini akan dikendalikan oleh pihak iCEPS.

PELAKSANAAN

5. Penawaran program separuh masa di iCEPS bagi semua program sepenuh masa sedia ada di fakulti termasuk UiTM cawangan tidak perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), seperti mana telah diluluskan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) di dalam mesyuarat Bil. 32 / 2020 pada 07 Oktober 2020.

6. Syarat kemasukan adalah sama seperti program sepenuh masa yang ditetapkan fakulti dan seperti yang dipersetujui oleh Senat bagi program separuh masa.



7. Fakulti adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pengajian yang sesuai untuk program-program separuh masa yang akan ditawarkan.

8. Program-program yang bakal ditawarkan secara separuh masa adalah hak milik universiti dan pihak fakulti merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam memastikan kualiti program-program ini.


9. Bayaran akan dibuat kepada pihak fakulti mengikut jumlah pelajar yang berdaftar untuk program-program separuh masa yang ditawarkan berdasarkan ketetapan yang telah dibuat oleh universiti.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 November 2020.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 November 2020.



PROF. Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 16 November 2020